

Sarawak pula banjir, Johor catat korban kedua

➔ Persiapan sambut Tahun
Baharu Cina terjejas, hambar

Oleh Kandaui Sidi, Ifwan
Tun Tuah, S Anand Kumar,
Nik Sukry Ramli, Badrul
Kamal Zakaria, Mohd Aidil
Abdullah, Noor Hidayah
Tanzizi, Nurul Nadira Shaari
dan Ahmad Ismail
bhnews@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Sarawak negeri terbaru dilanda banjir yang menyebabkan sekurang-kurangnya 14 sekolah rendah sekitar Kuching, Sibul, Bintulu dan Miri terpaksa ditutup semalam dan menjejaskan 1,232 murid.

Jumlah keseluruhan mangsa yang dipindahkan ke pusat pemindahan di Johor, Pahang, Perak, Kelantan, Selangor dan Sabah juga tidak banyak berubah setakat lewat petang semalam.

Bagaimanapun, banjir di Gemas, Negeri Sembilan dan Dungun, Terengganu telah pulih sepenuhnya

selepas satu-satunya pusat pemindahan, masing-masing di Dewan Besar Gemas dan Kampung Shukor, ditutup pada petang dan tengah hari semalam.

Mangsa dihanyut arus deras

Bah di **Johor** meragut nyawa pekerja ladang, Tarmin Katimin, 58, dari Kampung Mensudut Lama, Segamat yang dihanyutkan arus deras banjir ketika menunggang motosikal untuk pulang ke rumah dari Ladang Palong Timur, jam 3 petang semalam.

Mangsa menjadi korban kedua banjir di Segamat selepas penduduk Kampung Tengah, Mohd Faiz Syafiq Hassan, 21, turut lemas apabila bot dinaiki terbalik kira-kira jam 4 petang Selasa lalu. Mayatnya ditemui jam 7.45 pagi semalam, kira-kira 10 meter dari lokasi dia terjatuh.

Di **Miri**, Sekretariat Jawatankuasa Pengurusan Bencana Sarawak, Mejar Ismail Mahedin, ketika di-

hubungi, berkata Baram, Marudi dan Sibuti adalah antara kawasan terjejas banjir di Miri.

"Di Bintulu dan Sibul, kawasan terjejas ialah penempatan sepanjang Sungai Kemena, Sungai Balingian, Sungai Oya, Sungai Batang Rejang dan Tatau. Namun belum ada pusat pemindahan dibuka atau penduduk dipindahkan setakat ini (petang semalam)," katanya.

Banjir bawa lumpur

Sementara itu, beberapa mangsa dari kalangan penduduk Tionghua di Beruas, Perak dan Kuantan, sedih kerana bencana berkenaan turut menjejaskan persiapan mereka yang akan menyambut Tahun Baharu Cina esok.

Di **Beruas**, penduduk Kampung Kilang, Tang Weng Sang, 80, berkata dia dan isteri, Hue Kong Fong, 65, lebih sibuk membersihkan rumah yang dimasuki air pada jam 7 petang Isnin lalu.

Pekan, semalam.

"Penat membersihkan rumah masih ada. Petang ini (semalam) baru bercadang membeli sedikit keperluan untuk dimasak bersama anak yang akan pulang esok (hari ini)," katanya.

Di **Kuantan**, sambutan Tahun Baharu Cina bagi kira-kira 20 keluarga di pekan Sungai Lembing, juga hambar apabila penempatan mereka dilanda banjir yang turut membawa lumpur berikutan hujan lebat pada Isnin lalu.

Pengusaha bengkel kenderaan, Lim Ah Wai, 71, berkata hujan lebat sejak Isnin lalu yang turut membawa lumpur sungai dan mereka terpaksa melupakan perayaan berkenaan kerana terpaksa membersihkan kediaman.

Bekas pekerja lombong, Ho Seng Kuen, 82, berkata keluarganya akan tetap menyambut perayaan berkenaan, namun secara sederhana kerana perlu membersihkan rumah selain bimbang banjir akan berulang.

Fakta
nombor

7,083
MANGSA

Banjir daripada
1,854 keluarga
di Pahang

6,954
MANGSA

Banjir daripada
1,992 keluarga
di Johor